

# **AL-HIKMAH**

---

**Jilid 11 ISSN 1985-6822 2019**  
**No. 1 1441**

---

- APLIKASI PROGRAM ATLAS.TI DALAM PENYELIDIKAN KUALITATIF BIDANG PENGAJIAN ISLAM: SUATU CADANGAN AWAL... 3-21  
*Mohd Faiz, Mohamed Yusof & Nurhanani Romli*
- LAKUAN LOKUSI GURU AGAMA BANGSA MELAYU... 22-40  
*Muhammad Zuhair Zainal, Mohd Farid Mohd Sharif, Md Baharuddin Abdul Rahman & Al-Amin Mydin*
- DAKWAH SYEIKH NAZIM AL-QUBRUSI: ANTARA PENERIMAAN DAN PENOLAKAN... 41-59  
*Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, Mohd Haidhar Kamarzaman & Kamarudin Salleh*
- PENDEKATAN STREET DAKWAH KEPADA BUKAN ISLAM DALAM KALANGAN PENDAKWAH NGO MUSLIM DI PULAU PINANG... 60-73  
*Mohamad Nasir Noor Azemy & Rosmawati Mohamad Rasit*
- PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM MEMBENTUK AKHLAK PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DAERAH KUNAK SABAH... 74-87  
*Rosnijah Arolah & A'dawiyah Ismail*
- MANHAJ TARBIAH SAYYID MUHAMMAD ALI AL-SANUSI... 88-96  
*Mohd Sobirin Mohd Azehar & Ahmad Irdha*
- ANALISIS FAKTOR KEAGAMAAN TERHADAP AMALAN BERSEDEKAH DALAM KALANGAN MAHASISWA ISLAM: APLIKASI TEKNIK FUZZY DELPHI... 97-117  
*Ahmad Ridwan Osman @ Hussin, Zaharah Hussin & Abdul Muhsin Sulaiman*
- PENGURUSAN TABAYYUN DALAM DAKWAH... 118-131  
*Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Abu Dardaa Mohamad & Rosmawati Mohamad Rasit*
- PENGIMARAHAN DI MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN (MTMZA), PUTRAJAYA... 132-143  
*Ahmad Rijal Ghazali & Ahmad Irdha Mokhtar*
- MANHAJ DAKWAH HABIB UMAR BIN HAFIZ... 144-159  
*Wan Suhailah Wan Abdul Jalil & Abu Dardaa Mohamad*

*Al-Hikmah* 11(1) 2019: 144-159

## Manhaj Dakwah Habib Umar Bin Hafiz

**Manhaj Da'wah of Habib Umar Bin Hafiz**

WAN SUHAILAH WAN ABDUL JALIL  
ABU DARDAA MOHAMAD

### ABSTRAK

Habib Umar Bin Muhammad Bin Salim Bin Hafiz atau lebih dikenali dengan Habib Umar merupakan salah seorang cendikiawan yang terkenal abad ini. Beliau merupakan seorang pendakwah dan pengasas kepada sebuah pusat pengajian yang berada di Selatan Yaman yang dinamakan sebagai Darul Mustafa. Beliau telah banyak melakukan dakwah dan meneruskan perkembangan dakwahnya dengan manhaj yang tersendiri. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengkaji latar belakang Habib Umar Bin Hafiz dan mengenalpasti manhaj yang digunakannya. Kertas kerja ini adalah kajian awal yang bersifat kualitatif yang menggunakan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data utama dan kaedah analisis data adalah berbentuk deskriptif. Hasil kajian menunjukkan latar belakang beliau adalah seorang ahlu bait dan berasal dari keturunan ulama yang baik. Manakala terdapat tiga manhaj yang digunakan oleh Habib Umar iaitu Ilmu, Suluk dan Tabligh. Manhaj ini khusus digunakan kepada para muridnya di Darul Mustafa dan semasa beliau berdakwah.

**Kata kunci:** *Manhaj, Dakwah, Habib*

### ABSTRACT

Habib Umar Bin Muhammad Bin Salim Bin Hafiz or better known as Habib Umar is one of the famous scholars of this century. He was a preacher and founder of a school located in South Yemen named Darul Mustafa. He has done a lot of preaching and continues his da'wah development with its own manhaj. Therefore, this study aims to study the background of Habib Umar Bin Hafiz and identify the manhaj that he uses. This paper is a qualitative preliminary study that uses document analysis as the primary data collection method and the method of data analysis is descriptive. The results of the study show that his background is a member of the bait and is derived from a good scholar's descent. While there are three manhajs used by Habib Umar namely Ilmu, Suluk and Tabligh. This manhaj was specifically used to his students in Darul Mustafa and during his preaching.

**Keywords:** *Manhaj, Da'wah, Habib*

## PENGENALAN

Agama Islam adalah pelengkap bagi semua agama yang pernah turun sebelumnya. Buktinya tertulis di dalam sumber rujukan utama seluruh umat Islam iaitu al-Quran dan hadis (Ayat Dimyati 2010). Di dalam al-Quran Allah telah berfirman:

هُدًى لِلنَّاسِ وَبِيَنَتٍ مِّنَ الْمُهَدِّدِيْ وَالْفُرَقَانِ

Maksudnya: “Menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dan yang salah”. (Surah al-Baqarah 2:185)

Di dalam Islam seruan dakwah adalah tuntutan yang perlu di laksanakan oleh setiap orang muslim yang dituntut oleh seorang Muslim iaitu dakwah. Dakwah merupakan tugas utama para Nabi dan Rasul-Nya. Namun, pada hari ini ia telah diwarisi oleh para alim ulama, para solihin, para rabbaniyyin, para siddiqin dan tidak terlepas kepada seluruh muslim yang mukalaf (Ana Urfiyanti 2015).

Menurut Ghalwash (1987) dakwah ialah satu perbuatan menyampaikan mesej secara menyeluruh yang meliputi ilmu tauhid, fiqh dan tasawuf.

Manhaj pula ialah satu perancangan yang telah dirancang ketika hendak berdakwah (al- Bayanuni 2010). Manakala menurut al-Butty (1997) ianya perlu diikuti ketika menjalankan kerja-kerja dakwah bagi meyakinkan pemikiran dan diri seseorang.

Oleh itu, untuk menyampaikan kesemua mesej tersebut ia memerlukan kepada penggunaan manhaj yang bersesuai agar maklumat yang disampaikan tidak ketinggalan dan dapat meyakinkan serta memberi kepercayaan kepada sasarannya. Pemilihan manhaj yang tepat dapat memberikan hasil yang baru dalam dakwah seseorang, akan tetapi boleh terjadi sebaliknya jika tersalah dalam memilih manhaj (Mohamad 2010).

Berdasarkan kenyataan di atas, Habib Umar sebagai salah seorang tokoh dakwah dan pendidik, beliau mempunyai pusat pengajian sendiri dan tentu sekali mempunyai manhaj dakwah yang tersendiri. Maka, bagi menyingkap manhaj dakwahnya secara mendalam. Kertas kerja ini akan membincangkan terlebih dahulu mengenai latar belakang beliau.

## Latar Belakang Habib Umar Bin Hafiz

### Pengenalan

Habib Umar merupakan seorang cendikiawan yang telah mendapat tempat dimata masyarakat hari ini. Selain menjadi seorang pendidik di Darul Mustafa yang merupakan tempat pengajian yang diasaskan oleh beliau sendiri pada awal tahun 1993, beliau juga aktif berdakwah ke seluruh dunia.

Hari ini beliau telah menjadi salah seorang tokoh yang paling berpengaruh di dunia sebagaimana yang disenaraikan di dalam buku The 500 Muslims yang dikarang oleh Johh et al (2019). Bermula pada tahun 2009 beliau berada dikedudukan yang ke-36 dan hari ini, pada tahun 2019 beliau telah mencapai dikedudukan yang ke-8.

Nama penuhnya ialah °Umar bin Muhammad bin Salim bin Hafiz bin °Abdullah bin Abu Bakar bin °Aidarus bin Husin bin Sheikh Abu Bakar bin Salim bin °Abdullah bin °Abd al-Rahman bin °Abdullah bin Sheikh °Abd al-Rahman al-Saqaf bin Muhammad Maula al-Dawilah bin °Ali bin °Alawi bin al-Faqih al-Muqadam Muhammad bin °Ali bin Muhammad Sahib Mirbat bin °Ali Khali° Qasam bin °Alawi bin Muhammad bin °Alawi bin °Ubaidillah bin Imam al-Muhajir Ahmad bin °Isa bin Muhammad bin °Ali al-°Uraidi bin Ja°afar al-Sadiq bin Muhammad al-Baqir bin °Ali Zai al-°Abidin bin Hussin bin °Ali bin Abu Talib dan pasangannya Fatimah al-Zahra' puteri Rasulullah ﷺ (Abdul Qadir 2011).

### Kelahiran dan Pembesarannya

Kota Tarim merupakan tempat kelahiran Habib Umar. Beliau dilahirkan pada 27 Mei 1963 bertepatan hari isnin. Tarim digelar dengan nama 'Kota Seribu Wali' kerana di dalamnya terdapat ramai orang soleh dan alim ulama yang ikhlas dalam mengamalkan ilmunya (Mohd Faizal 2014).

Beliau telah dibesarkan dalam sebuah keluarga yang mempunyai ilmu islam yang tradisional dan memiliki akhlak mulia. Persekutaran keluarga dan masyarakat sekelilingnya yang mulia mendorong beliau untuk berpegang teguh terhadap ketradisionalan dan keaslian ilmu tersebut. Suasana sebegini juga adalah sebagai satu nikmat Allah kepada beliau (Izham Shah et al 2014).

Pada usianya yang begitu muda, beliau telah menghabiskan hafalan al-Qurannya dengan lengkap dan telah menghafal beberapa teks dalam bidang ilmu fiqh, hadis, bahasa arab dan ilmu-ilmu yang lain (Mohd Faizal 2014: 267).

## Pendidikan

Pada peringkat awal, beliau telah mendapat didikan langsung dari ayahnya yang bernama Habib Muhammad bin Salim bin Hafiz. Ayahnya adalah seorang pejuang agama yang ikhlas dan berani menyebarkan syariat Islam tanpa ada rasa takut kepada manusia. Peristiwa bersama ayahnya menjadi duka apabila pada suatu hari ayahnya telah ditangkap oleh sekumpulan komunis (Soviet Union) dek kerana menyebarkan dakwah pada waktu ini. Mereka adalah golongan yang berfahaman komunis dan anti agama. Musuh utama mereka adalah para alim ulama dan mereka menguasai negara Yaman pada ketika itu (Abdul Qadir 2011).

Sejak peristiwa itu Habib Umar telah meletakkan azam yang kuat pada dirinya untuk mengambil alih tugas dakwah ayahnya. Di usia yang begitu muda beliau telah memulakan kerja-kerja dakwah dan telah pun menghabiskan al-Quran secara lengkap beserta kefahaman yang baik terhadap al-Quran. Beliau mula menganjurkan majlis-majlis dakwah dan membuka kelas pengajian. Pengajian terbuka kepada semua lapisan masyarakat, tidak kira tua, muda ataupun yang masih kecil. Kelas pengajian yang ditawarkan ialah pengajian al-Quran dan ilmu turath. Semuanya disambut baik oleh masyarakat setempat. Melihat perkembangan beliau yang memberangsangkan, keluarganya mulai risau pada keselamatannya. Oleh itu, beliau mengambil keputusan untuk berhijrah ke Kota Baidha' yang terletak di Utara Yaman (Mohd Faizal 2014).

Peringkat kedua, memasuki awal bulan safar tahun 1981 bertepatan bulan September, Habib Umar berangkat ke Kota Baidha'. Beliau memulakan pelajaran baru dengan memasuki Ribat Baidha' yang dikendali oleh gurunya iaitu Habib Muhammad al-Haddar dan menyusun program-program dakwah untuk masyarakat setempat. Dalam masa yang sama beliau mendapatkan ijazah dari Habib Zein bin Smith yang kini berada di Madinah (Maged Abdullah 2018). Setelah menerima keizinan untuk mengajar, beliau meneruskan dakwahnya ke seluruh kampung yang kebanyakannya dihuni oleh orang badwi (jahil). Dalam menempuh perjalanan dakwah, beliau tidak pernah mengeluh atau mengenal erti penat kerana tujuannya hendak membawa kembali cinta Allah dan Rasul-Nya pada setiap hati manusia. Tidak kurang dari itu, hampir semua tempat telah di dakwahinya dan itulah tanda keberkatan dari kesabaran, keikhlasan dan kesungguhan beliau (Abdul Qadir 2011).

Beliau meneruskan lagi misi dakwahnya dengan membuka kelas dan majlis pengajian di Kota Baidha' dan sekitarnya. Dalam masa yang sama beliau bersungguh-sungguh membantu serta membimbangi masyarakat sekeliling yang berhajat padanya. Dapat dilihat hasil daripada

dakwah beliau, ramai anak muda dan masyarakat setempat telah kembali ke jalan Allah. Mereka mula merasakan keagungan Islam dan mengenakan pakaian-pakaian yang melambangkan syiar Islam yang agung. Mereka juga turut ditekankan agar mencontohi sifat keperibadian yang diajarkan oleh Baginda Nabi Muhammad ﷺ (Mohd Faizal 2014).

Perjuangannya yang telus dan suci telah mendapat tumpuan dari alim ulama di sana. Mereka juga turut membantu dalam menyemai benih-benih dakwah dalam masykat tersebut. Disamping itu juga, beliau turut menziarahi ulama-ulama yang berada di Yaman dan salah satunya beliau telah menziarahi ulama besar Kota Ta'iz yang berada di Utara Yaman. Di sana beliau telah bertemu dengan seorang mufti yang bernama Habib Ibrahim bin Aqil bin Yahya. Sekaligus beliau mengambil ilmu dan mendapatkan ijazah dari mufti tersebut (Izham Shah et al 2014).

Peringkat ketiga pula adalah setelah Habib Umar menyedari waktunya telah lama di Kota Baidha', membuat membuat satu lagi keputusan untuk berhijrah. Beliau memutuskan untuk berangkat ke Hijaz bagi memenuhi tuntutan haji dan berziarah ke makam Rasulullah ﷺ di Madinah. Sementara di Hijaz beliau sempat meluangkan masanya untuk mempelajari beberapa kitab bersama ulama-ulama yang terkenal di sana. Antaranya ialah Habib Abd al-Qadir bin Ahmad al-Saqqaf, Habib Ahmad bin Mashur al-Haddad dan Habib Attas al-Habsyi (Maged Abdullah 2018).

Beliau turut disayangi oleh ulama-ulama tersebut dan disegani masyarakat disebabkan kegigihan, usahanya membantu masyarakat, peribadinya yang tidak lekang dengan ibadah dan zikir dan sentiasa melakukan perkara yang bermanfaat. Semenjak itu namanya semakin disebut-sebut oleh masyarakat, namun ketokohan dan kemahsyurannya sedikit pun tidak menganggu keikhlasan serta niatnya yang suci (Mohd Faizal 2014).

Tamatlah kisah pembelajarannya di Hijaz dengan berbekalkan ilmu secukupnya yang telah diperolehi bersama ulama'-ulama' yang hebat di sana. Maka, beliau meneruskan dakwahnya ke Negara Oman bagi memenuhi undangan dari sekumpulan Muslim yang ingin mengenali dan mempelajari tarekat Alawiyyah. Beliau memenuhi undangan tersebut dengan baik dan tinggal di sana untuk beberapa tempoh (Abdul Qadir 2011).

Peringkat kelima pula bermula setelah beliau menyedari telah bertahun lama beliau meninggalkan kampung halaman, beliau membuat keputusan untuk pulang kembali ke Kota kelahirannya iaitu Tarim. Dalam perjalannannya pulang ke kampung halaman, beliau sempat menyinggah ke Kota Syihir yang terletak di Timur Yaman dan megambil beberapa ilmu di

sana bersama ulama'-ulama yang tersohor dan masih melakukan kerja dakwahnya tanpa henti (Izham Shah et al 2014).

Setibanya di Kota Tarim beliau telah memutuskan untuk membina sebuah pusat pengajian ilmu agar dapat mengabadikan ilmunya di situ serta menabur bakti pada masyarakat sekelilingnya. Bermula dari situ, terbinalah sebuah institusi yang bernama Darul Mustafa (al-Habib 'Omar 2015). Sekaligus hal ini menjadikan satu sumbangan besar beliau dalam bidang pendidikannya. Pelajar-pelajar Habib Umar datang dari berbagai negara seperti Indonesia, Malaysia, Singapura, Kepulauan Comoro, Tanzania, Kenya, Mesir, United Kingdom, Pakistan, Amerika Syarikat, Kanada dan beberapa negara Arab yang lain. Mereka mendapat pendidikan secara langsung dari Habib Umar (Mohd Faizal 2014).

Hari ini Habib Umar masih menetap di Tarim dan juga masih aktif berdakwah keseluruh dunia. Dalam masa yang sama beliau sentiasa mengawasi perkembangan dakwahnya di Darul Mustafa dan beberapa buah sekolahnya yang lain (Mohd Faizal 2014).

### **Guru-Guru Habib Umar**

Habib Umar telah berguru dengan beberapa alim ulama dari beberapa buah negara dan termasuklah Kota Tarim. Antara guru beliau ialah Habib Muhammad bin Salim bin Hafiz, Habib <sup>c</sup>Abd al-Qadir bin Ahmad al-Saqaf, Habib <sup>c</sup>Abdullah bin Hasan bin al-Faqih, Habib <sup>c</sup>Abdullah bin Sheikh al-Aidarus, Habib Ahmad bin <sup>c</sup>Ali bin Sheikh Abu Bakar, Habib Ahmad bin Mashur al-Hadad, Habib <sup>c</sup>Ali Mashur bin Muhammad bin Salim bin Hafiz, Habib <sup>c</sup>Atas al-Habshi, Habib Ibrahim bin <sup>c</sup>Aqil bin Yahya (Mufti Ta'iz), Habib Muhammad al-Hadar, Habib Muhammad bin <sup>c</sup>Alwi bin Shihab al-Din, Habib Salim bin Abdullah bin <sup>c</sup>Umar Shatiri, Habib <sup>c</sup>Umar bin <sup>c</sup>Alwi al-Kaf, Habib Zin bin Smith, Sheikh Fadil bin <sup>c</sup>Abd al-Rahman Bafadil, Sheikh Muhammad Yasin al-Fadani, Syed Muhammad bin <sup>c</sup>Alwi al-Maliki, Sheikh Taufiq Aman (Maged Abdulla 2018, Abdul Qadir 2011).

### **Karya-Karya**

Di samping giatnya beliau dalam berdakwah, beliau juga tidak kurang mengarang karya-karya yang unggul. Di antara kitab-kitab yang dikarangnya ialah berkaitan dengan ilmu fiqh, tasawuf, maulid dan tidak terhad kepada kitab ini sahaja. Oleh itu, terdapat lapan belas buah kitab yang telah disenaraikan merupakan karangan-karangan beliau. Di antara kitab tersebut ialah Adab al-Hiwar Baina al-Mujtama<sup>c</sup>at Wa al-Firqi al-Islamiyah, Dhakhira al-Musharafah dalam bidang fiqh, Dhiya'al-lami<sup>c</sup> bi

zikr maulid al-nabi al-shafi<sup>c</sup> dalam perihal maulid Nabi Muhammad ﷺ, Durus Asas fi al-nahwu dalam bidang Nahu, Ida<sup>c</sup>ah Fi Makna al-Irtibat, Is<sup>c</sup>af tolibi Rida Khallaq Bi Bayan Mukarama al-Akhlaq, Khulasah al-Madad al-Nabawi fi azkar dalam perihal Zikir, Khuluquna, Ma <sup>c</sup>alim al-Da<sup>c</sup>ah Fi Tariq habib Allah, Ma Hiya al-tasawuf Wa Simatu Ahli, Mamlikah al-Qalbi Wa al-<sup>c</sup>Ada', Min Anfasi Wa al-Kalami, Mukhtar al-Hadith al-sharif dalam perihal hadis, Nur al-Iman, Taisir al-Tawajjuh Bi al-Da<sup>c</sup>wat Ila Rab al-barayat, Taujih al-Nabih Li Mardat Bariyah, Taujihah al-Tulab Ila Asas al-Huda Wa Sawab, Thaqafah al-Khatib berkenaan panduan khutbah, al-Wasatiyah Fi al-Islam (Maged Abdullah 2018).

#### MANHAJ DAKWAH HABIB <sup>c</sup>UMAR

Menyebut tentang manhaj dakwah, kebiasaannya ia dapat dilihat pada seorang pendakwah atau pendidik kerana mereka adalah golongan yang selalu bertemu dengan sasaran dakwahnya. Jadi mereka cuba menyusun apa yang hendak disampaikan kepada sasaran dengan cara yang paling terbaik. Sama ada mereka mengambil manhaj yang telah sedia ada atau mereka membina suatu manhaj yang lebih baik (Tengku Sarina & Faridah 2008).

Setiap individu Muslim yang mukalaf di atas muka bumi ini dituntut untuk menyebarkan serta memperkenalkan Islam dan Sunnah Nabi Muhammad ﷺ ke seluruh alam. Bagi menyebarkan perkara tersebut perlunya kepada ilmu-ilmu syariat, ilmu yang bermanfaat dan semangat dakwah yang tinggi. Maka setelah mempelajari semua ilmu tersebut setiap individu hendaklah menitik beratkan tentang dakwah kerana tujuan dakwah adalah untuk mengajak manusia ke jalan Allah (al-Habib 'Omar 2015).

Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang manhaj dakwah yang dibawa oleh seorang tokoh terkemuka hari ini iaitu Habib Umar bin Hafiz. Menurut Maged Abdullah (2018), dakwah Habib Umar secara umumnya adalah dengan mengekalkan gaya dakwah salafusoleh. Adapun begitu, beliau cuba untuk megarusperdanakan dakwah beliau mengikut tempat dan zaman. Di antara dakwah yang masih beliau lakukan ialah mendidik para pemuda dengan pembentukan akhlak dan adab yang tinggi, berdakwah di jalan-jalan kecil, memberi semangat kepada para pemuda yang suka bernasyid kosong kepada mengalunkan qasidah pujian kepada Nabi Muhammad ﷺ, serta berdakwah kepada Allah secara bi al-hikmah dan mau<sup>c</sup>izah al-hasannah.

Oleh itu, walaupun Habib Umar masih mengekalkan cara para salafusoleh berdakwah, itu sebagai tanda ketawadukkan beliau terhadap para salafusoleh terdahulu. Sehubungan itu beliau mempunyai manhajnya yang tersendiri bagi mendidik para pelajarnya dan keperluannya dalam berdakwah. Di antara manhaj dakwah khusus yang digunakan oleh Habib Umar ialah Manhaj Dakwah melalui ilmu, Suluk dan Tabligh (Umar t.th). Ketiga-tiga manhaj ini digelarkan dengan maqasid thalatha atau maqasid tiga (Maged Abdullah 2018).

Setiap manhaj ini mempunyai huraian yang tersendiri. Oleh itu bagi melihat perinciannya adalah seperti berikut.

### **Manhaj Dakwak Habib Umar Dari Sudut Ilmu**

Ilmu merupakan satu pendidikan penting kepada setiap manusia kerana kehidupan manusia memerlukan kepada sebuah pendidikan yang berasaskan ilmu yang bermanfaat. Selain itu ia juga merupakan satu persiapan kepada mental dan fizikal untuk tubuh seseorang agar dapat mendengar, memahami dan menghayati seruan Allah sekaligus mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Tujuan pendidikan pula ialah untuk merapikan diri, akal dan kerohanian dan mengeluarkan manusia dari kegelapan, kegundahan dan khayalan (Alhabib Umar 2015).

Oleh itu, dalam memahami manhaj dakwah Habib Umar dari sudut ilmu, beliau telah merumuskan beberapa konsep di dalamnya. Konsep tersebut ialah keperluan seseorang mempelajari ilmu syariat yang terpelihara, mengambil ilmu yang sahih dari para guru yang mempunyai keahlian dalam bidang masing-masing beserta sanad yang sahih, mengambil ilmu secara bertalaqqi, menyucikan diri dari sifat cela dan berdakwah kepada Allah (al-Habib ‘Omar 2015).

Tambahan juga, beliau telah menyusun keperluan ilmu yang perlu dipelajari di Darul Mustafa. Bidang tersebut ialah Akidah, Fiqh, Tasawuf, Nahu, dan Hadis. Bidang-bidang yang telah disebutkan itu mempunyai kitab-kitabnya yang khusus diguna pakai serta mengikut peringkat dan kesesuaian pelajar beliau (Abdul Qadir 2011, Izham Shah et al 2014). Beliau masih menggunakan kitab-kitab thurath sebagai silibus utama (Umar t.th).

Dalam bidang tersebut terdapat pengkhususan kitab yang digunakan. Antara kitab yang digunakan dalam silibus Darul Mustafa tahun 2011 dan ke bawah dalam bidang Akidah ialah kitab *“Aqidah al-‘Awam, al-‘Aqidah* (Karangan Imam Hadad), Durus Tauhid, Jauhar Tauhid, Risalah al-Qudus dan Wajhu tadaruj (dari kitab *Ihya’ Ulum al-Din*) bidang fiqh pula ialah Risalah al-Jami‘ah, Safinah al-Najah, Muqqadimah al-Hadramiyah, Matan Abi Shuja‘, Zubad Yakut al-Nafis, *“Umdah al-Salikin* dan *Minhaj al-*

<sup>c</sup>Abidin. Manakala, bagi kitab untuk ilmu Tasawuf pula beliau menggunakan kitab Bidayah al-Hidayah, Ihya<sup>c</sup> Ulum al-Din dan Risalah al-Mu<sup>c</sup>awanah. Bidang Nahu pula adalah Matan al-Jurumiyyah, Jurumiyyah Qatru al-nada dan Matan Alfiyah Ibn Malik. Seterusnya, untuk kitab Hadis pula beliau menggunakan kitab Mukhtar al-Hadith al-sharif, Arba<sup>c</sup>in al-Nawawi, Nur al-Iman, Mukhtar Riyad al-Solihin, Qawaid <sup>c</sup>Asasiyah dan Riyad al-Solihin (Abdul Qadir 2011, Umar t.th).

Selepas tahun 2011 sehingga tahun 2019 ini, berlakunya rombakan silibus di Darul Mustafa. Jadi ini adalah senarai peringkat yang ditawarkan di Darul Mustafa dan kitab-kitabnya. Terdapat lima peringkat yang ditawarkan di Darul Mustafa. Peringkat yang pertama ialah peringkat Tamhidiyyah Ibtidaiyyah, peringkat kedua <sup>c</sup>Idadiyyah, peringkat ketiga Thanawiyyah, peringkat keempat Sunnah dan peringkat kelima Fiqh (al-Manahij al-Muqarrarat t.th). Berikut adalah penjelasan berkenaan silibus dalam setiap peringkat:

#### 1. Peringkat permulaan (Tamhidiyyah Ibtidaiyah)

Di dalam peringkat ini terdapat lapan subjek yang ditawarkan dan mempunyai kitab-kitab tertentu. Subjek tersebut ialah al-Quran wa <sup>c</sup>Ulumihi, al-Sunnah al-Nubuwat al-Mutahirah, al-Fiqh li Ahkam al-Islam, al-Iman wa al-I'tiqad, al-Ihsan wa al-Tazkiyah, Bahasa Arab, Thaqafat al-Dawah dan Sejarah Islam.

Kitab bagi matapelajaran al-Quran ialah Tafsir al-Jalalain dan Ahkam al-Tajwid wa Mulhiq bihi Taisir. Subjek kedua ialah Sunnah al-Nubuwat al-Mutahirah, menggunakan kitab Mukhtar al-Hadis al-Sharif lilmubtadiin, Nur al-Iman Min Kalam Habib al-Rahman dan Qutuf al-Falihin Min Riyad al-Salihin, Syarah Mukhtar al-Hadis al-Sharif Lilmubtadiin, Syarah Nur al-Iman Min Kalam Habib al-Rahman, Syarah Qutuf al-Falihin Min Riyad al-Salihin, Durus Sirah al-Sirah al-Nabawiyah dan Durus al-Sirah.

Subjek ketiga ialah al-Fiqh li Ahkam al-Islam, menggunakan kitab al-Dhakhira al-Musharafah Lilmubtadiin, Matan al-Risalah al-Jami<sup>c</sup>at wa al-Tadzhkirah al-Nafiah, Matan Safinah al-Naja', Matan al-Mukhtasar Latif dan Sulam al-Taufiq. Subjek keempat pula ialah al-Iman wa al-I'tiqad, menggunakan kitab Manzumah al-<sup>c</sup>Aqidat al-<sup>c</sup>Awam, al-<sup>c</sup>Aqidat al-Mujmalah, Syarah Manzumah al-<sup>c</sup>Aqidat al-<sup>c</sup>Awam, Syarah al-<sup>c</sup>Aqidat al-Mujmalah, Syarah Aqidat al-Islam, Durus al-Tauhid dan Mulkhis Ba<sup>c</sup>du Adilah Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah fi Ba<sup>c</sup>du al-Masail al-Lati Ya<sup>c</sup>tarid Laha al-Mubtadi<sup>c</sup>ah.

Subjek kelima pula ialah al-Ihsan wa al-Tazkiyah, menggunakan kitab Manzumat Riyad al-Sibyan, Syarah Manzumat Riyad al-Sibyan dan Bidayah al-Hidayah. Subjek keenam pula ialah Bahasa Arab menggunakan

kitan al-Durus al-Asasiah fi al-Qawaaid al-Imlaia, Asasiat Tahsin al-Khat al-Arabi (1), Durus al-Asas fi al-Nahwu dan Matan al-Ajurumiah.

Subjek ketujuh pula adalah Thaqafah al-Da'wah, menggunakan sebuah kitab sahaja iaitu Muqqadimah Kitab al-Da'wah al-Tammah. Subjek kelapan dan terakhir bagi peringkat ini ialah Sejarah Islam, dengan menggunakan Ta'rif bi al-Sabiqin al-Awalin min al-Muhajirin Wa al-Ansar dan Mulkhis Tarikh al-Khilafah al-Rashidah (al-Manahij al-Muqarrarat t.th).

## 2. Peringkat kedua (^Idadiyah)

Peringkat ini mengandungi sembilan subjek iaitu al-Quran wa ^Ulumihi, al-Sunnah al-Nubuwat al-Mutahirah, al-Fiqh li Ahkam al-Islam, al-Iman wa al-I'tiqad, al-Ihsan wa al-Tazkiyah, Bahasa Arab, Thaqafah al-Da'wah, Sejarah Islam dan Ilmu Hisab.

Subjek al-Quran menggunakan kitab Mukhtasar Tafsir al-Baghawi, ^Ilm al-Tajwid Ahkam Nazariah wa Mulahazat Tatbiqiah dan Mulkhis fi ^Usul al-Tafsir wa al-Ta'rif Maujiz bi al-Qirat al-Sabi'. Subjek kedua pula al-Sunnah al-Nubuwat al-Mutahirah, menggunakan kitab Riyad al-Salihin, al-Qawaaid al-Asasiah fi Mustalah al-Hadis, al-Minhal al-Latif dan Tarikh al-Hawadis wa al-Hawal al-Nabawiyah.

Subjek yang ketiga ialah Fiqh li Ahkam al-Islam, menggunakan kitab Muqqadimah al-Hadramiyyah, Matan al-Ghayah wa al-Taqrif fi al-Fiqh al-Shafi', al-Yaqut al-Nafis fi Mazhab Ibn Idris, al-Miftah lubab al-nikah fi al-fiqh al-Shafi', Takmilah Zubdah al-Hadis fi al-Mawarith dan Manzumah Safwat al-Zubad fi al-Fiqh al-Shafi'.

Subjek yang keempat pula ialah al-Iman wa al-I'tiqad, menggunakan kitab Syarah Manzumah Jauharat al-Tauhid, al-Hikmah fi Makhlumat Allah, Mulkhis Akhbar dan al-Barzakh wa al-Akhirah min Ihya' ^Ulum al-Din. Subjek kelima ialah al-Ihsan wa al-Tazkiyah, menggunakan kitab Risalat al-Mua'wanah dan Minhaj al-^Abidin.

Subjek keenam pula ialah Bahasa Arab, menggunakan kitab Qawaaid al-imla', Asasiat fi Tahsin al-Khat al-^Arabi (2), al-Tuhfat al-Saniah, Milhah al-^Arab, Tasrif al-^Azi wa al-Mulhiq bihi al-^Ilal wa al-Ibdal dan Durus fi al-Balaghah. Subjek ketujuh pula Thaqafah Da'wah, menggunakan kitab Maqasid Halaqat al-Ta'lim wa Wasailuha dan al-Tawali' al-Sa'diyah fi Bayan Muham al-da'wah al-Fardiyah.

Subjek kelapan pula ialah Sejarah Islam, menggunakan kitab Makhas li Tarikh ^Asri al-Daulatain al-Umawiyyah wa al-^Abasiyyah Ma'a al-Tarkiz ^ala al-Aghlam wa al-Tasi' Riq'ah al-Islam. Subjek kesembilan pula Ilmu Hisab yang diajar oleh lajnah Darul Mustafa sendiri (al-Manahij al-Muqarrarat t.th).

### 3. Peringkat ketiga (Thanawiyah)

Terdapat lapan subjek iaitu al-Quran wa 'Ulumihi, al-Sunnah al-Nubuwat al-Mutahirah, al-Fiqh li Ahkam al-Islam, al-Iman wa al-I'tiqad, al-Ihsan wa al-Tazkiyah, Bahasa Arab, Thaqafah al-Da'wah dan Sejarah Islam.

Subjek al-Quran menggunakan kitab Mukhatasar Tafsir al-Baghawi, Syarah Muqqadimah al-Jazariyah dan Faidu al-Khabir wa Khulasah 'ala Nahaj al-Taisir Syarah Manzumat al-Tafsir Lilmuzmi. Subjek kedua pula ialah al-Sunnah al-Nubuwat al-Mutahirah, menggunakan kitab Riyad al-Salihin, Syarah Riyad al-Salihin, al-Darar al-bahiyah fi Syarah al-Manzumat al-Baiquniyah, dan Bahjah al-Mahafil Wa Bughyah al-Amathil. Subjek ketiga pula ialah al-Fiqh li Ahkam al-Islam, menggunakan kitab 'Umdah al-Salik wa 'Adah al-Nasik, Dhazri'ah al-Nahid ila 'Ilm al-Faraaid, Lub al-Usul dan idah al-Qawaaid al-Fiqhiyah. Subjek keempat pula ialah al-Iman wa al-I'tiqad, menggunakan kitab Qawaaid al-'Aqaid dan Bayan bi Adilah Ahli al-Sunnah Wa al-Jama'ah Akthar al-Masail al-Lati Yathiruha al-Mubtadi'ah.

Subjek kelima pula ialah al-Ihsan wa al-Tazkiyah, menggunakan Idah Asrar 'Ulum al-Qarbin, Fath Basair al-Khawan dan Taujihat al-Tulab. Subjek yang keenam pula ialah Bahasa Arab, menggunakan kitab Mutammamah al-Ajurumiyyah, Syarah Qatru al-Nada Wa Bal al-Sada dan Balaghah-Ma'ani-al-Bayan-al-Badi'.

Subjek ketujuh pula ialah Thaqafah al-Da'wah, menggunakan kitab Wazaif al-Muta'alim wa al-Mua'alim al-Murshid wa 'Alamat 'Ulama' al-Akhira wa al-'Ulama' al-Su' min Kitab Ihya 'Ulum al-Din, Mulkhis 'an Masalik al-Da'wah fi al-Umah dan Silsilah Ma'alim al-Da'wah. Subjek kelapan pula ialah Sejarah Islam menggunakan kitab Talkhisat Maujizah 'an Aham Ahdas Tarikh al-Muslimin 'Abir Usur (al-Manahij al-Muqarrarat t.th).

### 4. Peringkat keempat (takhasus al-Sunnah al-Nabawiyat al-Mutahirah)

Di dalam peringkat ini terdapat lima subjek utama, yang pertama subjek al-Sunnah al-Nabawiyat al-Mutahirah, al-Ihsan wa al-Tazkiyah, Bahasa Arab, Thaqafah al-Da'wah dan Bahath.

Subjek Sunnah al-Nabawiyat al-Mutahirah menggunakan kitab Sahih al-Bukhari Isnadan Ma' Syarah al-Muhim, Sahih Muslim Isnadan Ma' Syarah al-Muhim, Alfiyah al-Suyuti, al-Sirah al-Halbiyah, Nuzhat al-Nazar fi Taudih Nukhbah al-Fikri Mustalah Ahli al-Athar, Syarah Alfiyah al-Suyuti, al-Rafa' wa al-Takmil, Adwar al-Hadis, Manahij al-Muhadithin al-'Amah, Manahij al-Muhadthin, Lamhat min al-'Ilm 'Ilal, Usul Takhrij dan Bayan Shabahat Tathar Haul al-Sunnah al-Mutahirah.

Subjek kedua pula ialah al-Ihsan wa al-Tazkiyah, menggunakan kitab Qabas al-Nur al-Mubin min Ihya' 'Ulum al-Din. Subjek ketiga Bahasa Arab, menggunakan kitab Syarah Ibn 'Aqil. Subjek keempat Thaqafah al-Dawah, menggunakan kitab Taujih al-Nabih li Mardah Bariyah. Subjek yang kelima dan terakhir bagi peringkat ini adalah kerja kursus ilmiah yang diberikan khas (مختصر) kepada para pelajarnya (al-Manahij al-Muqarrarat t.th).

##### 5. Peringkat kelima (takhasus al-Fiqh li Ahkam al-Islam)

Peringkat ini mengandungi dua belas subjek iaitu Ahadis al-Ahkam, al-Fiqh al-Mazhabi, al-Fiqh al-Muqaran, al-Usul, al-Qawaaid al-Fiqhiyah, Maqasid al-Shari'ah, Qawaaid wa Mustalahat, al-Mantiq, al-Ihsan wa al-Tazkiyah, Bahasa Arab, Thaqafah Da'wah dan al-Bahath.

Subjek pertama Ahadis al-Ahkam, menggunakan kitab Bulugh al-Maram. Subjek kedua ialah Fiqh al-Mazhabi, menggunakan kitab al-'Ibadah Min Minhaj al-'Abidin dan al-Falak. Subjek ketiga pula ialah Fiqh Muqaran, menggunakan kitab Masail Mukhtarah dari kitab Bidayat al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid. Subjek keempat ialah al-Usul menggunakan kitab Jama' al-Jawami' dan Adab al-Mufti wa al-Mustafti.

Subjek kelima pula ialah Qawaaid Fiqhiyyah menggunakan kitab al-Ashbah Wa al-Nazair. Subjek keenam ialah Maqasid Shari'ah, menggunakan kitab Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah. Subjek ketujuh pula ialah Qawaaid Mustalahat, menggunakan kitab Matlab al-Iqaz dan Muqadimah kutub al-Majmu'. Subjek kelapan ialah Ilmu Mantiq menggunakan kitab al-Salam al-Munawarq fi 'Ilm Mantiq.

Subjek kesembilan ialah al-Ihsan wa al-Tazkiyah, menggunakan kitab Qabas al-Nur al-Mubin Min Ihya' 'Ulum al-Din. Subjek kesepuluh ialah Bahasa Arab, menggunakan kitab Syarah Ibn Aqil. Subjek kesebelas ialah Thaqafah al-Dawah, menggunakan kitab Taujih al-Nabih Li Mardah Bariyah dan yang terakhir subjek ke dua belas ialah kerja kursus ilmiah (al-Manahij al-Muqarrarat t.th).

#### **Manhaj Dakwah Habib Umar Dari Sudut Suluk**

Bagi menyuburkan ilmu kerohanian yang tinggi pada setiap pelajarnya, Habib Umar telah menekankan ilmu suluk kepada mereka. selain itu, di dalam ilmu suluk juga terdapat beberapa perkara yang turut ditekankan iaitu membersihkan hati dari sifat mazmumah, menghormati antara satu sama lain, membina keperibadian yang meneladani akhlak Nabi

Muhammad ﷺ, ahlu bait dan para salafussoleh (Maged Abdullah 2018, Abdul Qadir 2011).

Suluk juga diibaratkan sebagai akhlak, tazkiah (pembersihan jiwa) atau tasawuf. Suluk adalah satu ilmu pembersihan diri yang dilalui oleh seorang salik. Penyucian diri adalah penting bagi seorang pelajar terutama yang mempelajari ilmu agama. Oleh itu, tempat utama yang perlu dibersihkan adalah dibahagian hati (Che Zarrina & Nor Azlinah 2016). Ianya berkaitan dengan proses penerimaan ilmu, kerana hati yang kotor tidak dapat menerima suatu ilmu. Pepatah arab dan melayu ada mengatakan bahawa ilmu itu adalah cahaya, maka cahaya tidak akan dapat bercampur dengan sesuatu yang kotor.

Maksud lain bagi suluk juga, ialah mempraktikkan suatu ilmu yang telah dipelajari dan diperintah untuk beramal dengannya di Darul Mustafa. Ia juga adalah sebahagian dari ilmu tazkiah yakni ilmu meyucikan diri sehingga tercapai maksud yang diigini oleh mereka. Contohnya mereka diperintahkan agar menjaga solat lima waktu berjemaah, membaca adhkar dan lain-lain lagi (Maged Abdullah 2018).

Oleh itu, konsep manhaj suluk Habib Umar ialah membersihkan diri dari sifat cela, memulihkan adab, melakukan penilaian terhadap tingkah laku, menelusuri sirah Nabi Muhammad ﷺ, berjalan menuju Allah, melunaskan hak-hak Allah dan bergantung hanya kepada Allah semata-mata (Umar t.th).

Ini menunjukkan bahawa penyucian hati dan jiwa dari sifat-sifat keji adalah satu keperluan dan tuntutan kepada para pelajar Habib Umar bin Hafiz khususnya. Umumnya kepada semua muslim dan muslimat. Penyucian hati dan jiwa dapat menghiasi diri dengan akhlak yang mulia. Bagi memiliki akhlak yang mulia dan terpuji, seorang pelajar (salik) hendaklah beramal dengan sunnah dan akhlak Rasulullah ﷺ secara maksimum. Ia juga dapat membantu seseorang mendekatkan dirinya kepada Allah (Izham Shah et al 2014).

Hal ini membuktikan bahawa penumpuan akhlak ini adalah secara menyeluruh dalam kehidupan seorang manusia. Ia melengkapi dari sudut bersama pencipta-Nya, kemudian bersama orang sekelilingnya dan terakhir bersama dirinya sendiri. Ketiga-tiga bentuk akhlak ini dapat mendorong manusia menjadi positif dan dapat mewujudkan suasana yang harmoni jika semuanya mengikuti dengan baik dan tekun (al-Habib ‘Omar 2015).

### **Manhaj Dakwah Habib Umar Dari Sudut Tabligh**

Tabligh adalah kata nama yang bermaksud penyampaian (Oxford 2005). Berdasarkan perbincangan ini ia adalah satu perkara penting dalam dunia

dakwah kerana sifatnya adalah menyampaikan. Oleh itu setelah mempunyai ilmu, perkara yang paling baik dilakukan oleh seseorang adalah menyampaikan ilmu tersebut kepada orang lain. Istilah lain bagi tabligh adalah dakwah.

Dakwah adalah memindahkan manusia dari keburukan menuju kepada kebaikan, dari kelalaian menuju ingat kepada Allah dan dari berpaling menuju kembali menghadap Allah serta dari sifat buruk menuju kepada sifat kebaikan (Alhabib Umar 2015).

Tambahan juga, terdapat beberapa cara lain yang diguna pakai oleh beliau dalam dakwahnya. Antaranya (Maged Abdullah 2018):

- a. Menekankan dakwah yang bersederhana, dapat dilihat di dalam karyanya yang bertajuk *al-Wasatiyat fi al-Islam*.
- b. Tidak terlalu bermudah-mudah di dalam ilmu syariat dan tidak terlalu keras di dalam dakwahnya dengan istilah *بعيد عن النطاف والأفراط والتغريط*.
- c. Tidak mencampur isu politik dunia dengan dakwah bahkan selalu memberi nasihat kebaikan kepada mereka.
- d. Sifat keterbukaan dalam berdakwah dengan buktinya yang beliau mampu untuk duduk bersama golongan yang tidak sefikrah dengannya seperti golongan syiah, non-muslim dan lain-lain lagi, dapat dilihat dalam karyanya *Etika Dialog Antara Kelompok dan Aliran dalam Islam*.

Oleh itu, manhaj tabligh yang digariskan oleh Habib Umar ialah menyebarkan dakwah yang mengajak manusia kepada Allah, agama Islam dan kepada Rasulullah dengan cara yang paling santun. Selain itu, menerapkan sifat rahmat, benar, husnuzon (bersangka baik), sabar, bertimbang rasa, menjadi seorang pemaaf, mengukuhkan kekuatan dan berterusan melaksanakan amalan. Selain itu Habib Umar mengamalkan dakwah secara bersederhana, berdialog dengan baik dan keterbukaan (Umar t.th).

## KESIMPULAN

Di dalam hasil kajian ini, pengkaji telah menemukan latar belakang Habib Umar secara mendalam dan telah mengenalpasti manhaj dakwah yang digunakan oleh Habib Umar bin Hafiz. Habib Umar adalah seorang pendidik dan pendakwah yang mempunyai semangat juang yang tinggi dalam perjuangan dakwahnya. Misi yang dibawa oleh beliau perlu diteruskan oleh para pendidik dan pendakwah hari ini agar lebih ramai pendidik dan pendakwah yang beracuan al-Quran dan sunnah wujud dimuka bumi ini. Sifat-sifat keperibadian mulia yang menghiasi diri beliau boleh dicontohi dan dijadikan teladan oleh setiap pendidik dan pendakwah hari ini. Hal ini dapat membantu membina kualiti pendidik dan

pendakwah. Selain itu juga, manhaj dakwah yang dibawa oleh Habib Umar mempunyai tiga aspek utama iaitu ilmu, suluk dan tabligh. Setiap aspek tersebut terdapat perincian masing-masing seperti yang telah dijelaskan di atas. Oleh itu keperluan manhaj dakwah terhadap penyebaran dakwah adalah perkara penting bagi proses penerimaan dalam pembelajaran. Ianya bagi memastikan perkara yang hendak disampaikan dapat diterima dengan tepat dan sahih. Manhaj dakwah ini boleh diaplikasikan kepada semua pendidik dan pendakwah, terutamanya anak murid Habib Umar sendiri. Manhaj ilmu adalah sebagai senjata yang perlu ada kepada para pendakwah, manakala manhaj suluk pula ialah sebagai perisai yang membantu para pendakwah bagi mendapatkan jiwa yang positif dan bersih dari sifat-siat negatif. Manhaj tabligh pula adalah pelengkap bagi kedua manhaj tersebut kerana setelah mempelajari ilmu syariat dan ilmu yang bermanfaat, dalam masa yang sama memperbaiki dan membersihkan diri, maka keperluan untuk menyebarkannya kepada orang lain adalah menjadi keutamaan. Maka manhaj tabligh sebagai tapak untuk penyebaran dakwah dan medan untuk menyebarkan ilmu, agama, al-Quran, al-Sunnah dan sebagainya.

## RUJUKAN

- Abdul Qadir Umar Mauladdawilah. 2011. *Biografi Habib Umar Bin Hafiz Singa Podium*. Kuala Lumpur: Inteam Publishing Sdn. Bhd.
- al – Quran
- al-Bayanuni Abu al-Fath. 2010. *Madkhal ila ‘Ilmi Da‘wah*. Lebanon: Dar Risalah Alamiyah.
- al-Butty Muhammad Said Ramadan 1997. *Rahsia Dakwah Yang Berkesan*. Terj: Mohd Sofwan Amirullah & Mhd Royhan Hasbullah. Selangor: Pustaka Ilmi.
- al-Habib ‘Omar. 2015. *Akhlaq Kami. Terj: Sekumpulan Asatizah Tempatan (Singapura)*. Singapura: Hands Learning and Development Services.
- Alhabib Umar bin Muhammad bin salim bin Hafizh. 2015. *Mendidik Anak Dengan Benar*. Terj: Husin Nabil Assegaf. Indonesia: Penerbit Putera Bumi.
- Ana Urfiyanti. 2015. *Konsep dakwah ‘Aid al-Qarni dalam pembinaan pemuda Islam*. Tesis sarjana Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Ayat Dimyati. 2010. *Gagasan Manhaj Kehidupan Berbariskan Relasi Ilmu Dan Hidayah*. Jurnal Ilmu Dakwah. Vol 5, No 16.
- Che Zarrina Sa’ari & Nor Azlinah Zaini. 2016. *Terapi spiritual melalui kaedah tazkiyah al-nafs oleh syeikh Abdul Qadir al-mandili dalam kitab penawar bagi hati*. Jurnal afkar. Vol 18. Special issues: 35-72.

- Ghalwash Ahmad. 1987. *al-Da'wah Islamiyah Usuliha Wa Wasailuhu*. Kaherah: Dar Kitab al-Misra.
- Habib Umar bin Hafiz. 2016. *al-Wasatiyah Fi al-Islam*. Hadramaut, Tarim: Maktabah Tarim al-Hadithah.
- Habib Umar bin Hafiz. 2017. *Ma Hiya al-tasawuf Wa Simatu Ahli*. Yaman, Hadramaut: Dar al-Salah.
- Irfan Nazhan Mohd Nasri. 2016. *Tarim Dan Sekitarnya Kota Alhi Bayt 1001 Auliya*. Yaman: Penerbitan Persatuan Mahasiswa Yaman Cawangan Hadramaut (PERMAYA).
- Izham Shah Mat Nuar, Muhammad Hazamin Harun & Nordin Jaafar. 2014. *Cahaya Hati Nasihat dan Mutiara Hikmah*. Kuala Lumpur: Inteam Publishing Sdn. Bhd.
- John L. Esposito, Ibrahim Kalin, Ed Marques, Usra Ghazi. 2009, 2016 & 2019. *The Most Influential Muslims In The World*. Amman: The Royal Islamic Strategic Studies Centre.
- Kamus Bahasa Melayu – Bahasa Arab. 2005. Ulang Cetak. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Maged Abdullah Mohammed & Syed Hadzullathfi. 2017. *The Concept Islamic Dakwah From Habib Umar Bin Hafiz Perspectives*. Malaysian Journal for Islamic Studies. Jilid 2: 88-99.
- Mohamad Abu Bakar Abdul Rahman. 2010. *Metodologi Dakwah Rasulullah S.A.W*. Di Peringkat Permulaan Di Mekah: Aplikasinya Di Singapura. Universiti Malaya. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam.
- Mohd Faizal Harun. 2014. *Biografi Ulama Tersohor 2*. Kuala Lumpur: Green Dome Publication Sdn. Bhd.
- T.n. al-Manahij al-Muqarrarat bi Dar al-Mustafa bi Tarim li Dirasat al-Islamiyyah wa Furu'ihi. t.th.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Binti Che Husain 2008. *Pendekatan individu dalam pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun*. Jurnal Usuluddin. Bil 27: 141-156.
- Umar Bin Muhammad. T.Th. al-Sadah °Ali Abi °Alawi. Damsyik.